

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2013/2014

NAMA KURSUS	:	PENGAJARAN, TEKNOLOGI DAN PENAKSIRAN 2
KOD KURSUS	:	BBD 38406
PROGRAM	:	1 BBR
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2014
MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN BAHAGIAN A DAN B) JAWAB DUA (2) SOALAN DARI BAHAGIAN B

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT

SULIT

Bahagian A (80 markah)

- S1 Semasa menyediakan rancangan kerja, satu daripada aspek yang perlu dipertimbangkan oleh guru ialah
- A. bilangan guru
 - B. bilangan murid
 - C. bilangan buku rujukan
 - D. bilangan hari persekolahan
- S2 Sukatan pelajaran disediakan mengikut kadar kemampuan pelajar-pelajar yang
- A. baik
 - B. cepat
 - C. lambat
 - D. sederhana
- S3 Semasa merancang set induksi, seseorang guru hendaklah mempertimbangkan perkara berikut kecuali
- A. minat murid
 - B. kebolehan murid
 - C. cita-cita murid
 - D. pengetahuan sedia ada murid
- S4 Pernyataan manakah menjadi satu daripada prinsip dalam pemeringkatan isi pelajaran semasa menyediakan persediaan mengajar?
- A. dari jauh ke dekat
 - B. dari fakta ke teori
 - C. dari mudah ke kompleks
 - D. dari abstrak ke konkret
- S5 Persoalan yang harus difikirkan oleh pensyarah semasa menentukan objektif pengajaran ialah
- A. apakah yang patut saya ajar?
 - B. apakah yang patut saya buat?
 - C. apakah yang saya hendak murid buat?
 - D. apakah alat bantu mengajar yang sesuai?

- S6 Pernyataan yang manakah sesuai dijadikan sebagai penutup pelajaran?
- A. Guru mengedarkan lembaran kerja kepada kumpulan sebagai aktiviti menulis.
 - B. Guru berpesan agar murid akan membuat ulangkaji di rumah.
 - C. Guru menyuruh murid berhenti dan menulis kerana masa sudah habis.
 - D. Guru menimbulkan perasaan pencapaian di kalangan murid melalui pengukuhan.
- S7 Di bawah ini disenaraikan pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan semasa penyampaian proses set induksi, kecuali
- A. memulakan Pengajaran & Pembelajaran
 - B. menyatakan kesimpulan atau rumusan
 - C. menukar topik pelajaran
 - D. menukar strategi pengajaran.
- S8 Encik Subandi mengajar tentang daun. Beliau menggunakan pelbagai jenis daun sebagai alat bantu mengajar. Pelajar disuruh mengkaji dan membuat catatan yang sesuai mengenai ciri-ciri daun. Akhirnya pelajar-pelajar dibimbang untuk membuat kesimpulan. Pendekatan yang telah digunakan oleh Encik Subandi ialah
- A. deduktif
 - B. eklektif
 - C. induktif
 - D. konduktif
- S9 Pelbagai model boleh digunakan dalam kaedah tunjuk cara, antara jenis-jenis model yang boleh digunakan adalah seperti berikut kecuali
- A. hidup
 - B. rawak
 - C. simbolik
 - D. persepsi
- S10 Kuliah adalah kaedah pengajaran yang klasik. Kebaikan kaedah ini ialah
- A. dapat mengekalkan kaedah tradisional yang popular.
 - B. dapat menyampaikan isi pelajaran terkini kepada satu kelompok yang ramai dalam masa yang singkat.
 - C. menghilangkan rasa jemu guru kalau hanya memerhati murid menjalankan aktiviti pembelajaran.
 - D. memberi kerehatan fikiran kepada murid dengan duduk dan mendengar apa yang disampaikan oleh guru.

- S11 Apabila Cik Suhaila memilih isi kandungan 'Mengenal Nombor' bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajarnya, beliau dikatakan mengamalkan
- A. penerapan
 - B. penyerapan
 - C. penyebatian
 - D. penggabungjalinan
- S12 Set induksi ialah satu proses yang dilaksanakan _____ proses pengajaran & pembelajaran di dalam bilik darjah.
- A. di akhir
 - B. di awal
 - C. di pertengahan
 - D. di rumah
- S13 Sambil pelajar-pelajar bermain lompat katak, guru mengajar konsep angka menaik. Dengan menggunakan permainan yang serupa, pelajar-pelajar dapat belajar
- A. konsep ruang dan jarak
 - B. berinteraksi secara dua hala
 - C. menikmati aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan
 - D. membina ayat matematik oleh tambah dan pengurangan
- S14 Dalam kelas KBSR seorang guru akan mengamalkan pengajaran individu apabila
- A. kesuntukan masa untuk mengajar sesuatu topic.
 - B. dapat mengesan beberapa orang murid yang lemah.
 - C. terdapat kekurangan sumber pengajaran dan pembelajaran.
 - D. kurang keyakinan untuk menjalankan pengajaran berkumpulan.
- S15 Perbezaan ketara antara amalan pembelajaran masteri dengan pengajaran biasa ialah
- A. pencapaian murid adalah berdasarkan kepada pengajaran guru.
 - B. penggunaan jadual waktu anjal meningkatkan proses pengajaran pembelajaran.
 - C. pengajaran pembelajaran adalah satu proses interaksi sehala antara guru dan murid.
 - D. penguasaan kemahiran awal perlu ditentukan dahulu sebelum berpindah ke kemahiran lain.

- S16 Bilakah masanya menulis ruangan ‘Refleksi diri” yang terdapat di dalam Persediaan Harian di Buku Persediaan Mengajar anda.
- A. Di awal pengajaran.
 - B. Semasa pengajaran dan pembelajaran.
 - C. Selepas pengajaran dan pembelajaran.
 - D. Sebelum pengajaran dan pembelajaran.
- S17 Di dalam proses pelaksanaan pengajaran & pembelajaran di dalam bilik kuliah, terdapat dua komponen yang harus dilakukan semasa penyampaian dilakukan, dua komponen tersebut ialah
- A. nilai murni dan objektif.
 - B. set induksi dan perkembangan isi pelajaran.
 - C. tugas dan penutup.
 - D. objektif dan set induksi.
- S18. Bilangan nilai murni yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Kabinet untuk diserapkan di dalam proses pengajaran & pembelajaran di dalam bilik darjah ialah sebanyak :
- A. 10
 - B. 12
 - C. 14
 - D. 16
- S19 Pensyarah Pedagogi menguruskan satu sesi sumbangsaran dengan menggunakan langkah-langkah A, B, dan C berikut:
- A: Kemukakan topik perbincangan
 - B: X
 - C. Membuat rumusan dan penilaian
- Pilih pernyataan yang sesuai untuk mengisi langkah X
- A. Membincangkan tujuan
 - B. Menapis idea yang diberi oleh ahli-ahli
 - C. Menggalakkan setiap ahli memberi idea
 - D. Mengemukakan idea yang diperolehi daripada ahli-ahli setiap kumpulan

- S20 Cik Suraya menggunakan strategi main peranan ketika mengajar satu-satu unit pelajaran dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Tujuan-tujuan main peranan adalah seperti berikut kecuali
- A. menyediakan murid menghadapi masalah sosial pada masa depan
 - B. menyediakan peluang bagi murid memperkuuhkan kemahiran pertuturan
 - C. membolehkan murid mengambil alih peanan guru bagi satu atau dua waktu
 - D. menyediakan peluang bagi murid melahirkan perasaan mengikut watak secara spontan
- S21 Cik Asiah mengaitkan bentuk segi tiga yang telah diajar pada minggu lepas dengan bentuk segi tiga sama kaki pada pelajaran hari ini. Beliau sebenarnya telah membuat set induksi dalam komponen
- A. pengstrukturkan isi
 - B. perkaitan isi pelajaran
 - C. mewujudkan motivasi
 - D. teknik menarik perhatian
- S22 Tujuan pensyarah membuat lakaran-lakaran spontan di papan tulis ialah untuk
- A. mengingatkan kembali nota-notanya
 - B. memberi nota kepada pelajar
 - C. mengukuhkan keyakinan pelajar
 - D. membantunya menjelaskan sesuatu konsep.
- S23 Dalam pengajaran, Encik Konata menggunakan pita rakaman, tayangan video, aktiviti pelajar dan memberi penerangan. Apakah kepentingan variasi rangsangan yang digunakan oleh Encik Konata tersebut?
- A. Mengelakkan minat pelajar.
 - B. Mewujudkan naluri ingin tahu.
 - C. Membantu pelajar mencapai prestasi yang baik.
 - D. Mempertingkatkan interaksi antara guru dan pelajar.

S24 Manakah antara berikut bukan merupakan kemahiran menyoal?

- A. Berhenti sebentar setiap kali menyoal
- B. Mengubah teknik menyoal apabila perlu
- C. Menyoal pelajar yang mengangkat tangan
- D. Membentuk soalan yang jelas, tepat dan mudah difahami

S25 Penguasaan kemahiran pengukuhan dapat membantu pensyarah

- A. menjimatkan tenaga dan masa pensyarah
- B. membina keyakinan pelajar untuk terus memcuba
- C. membentuk hubungan mesra guru dengan pelajar
- D. melatih dirinya dalam situasi yang tidak dirancang

S26 Dalam pengajaran Bahasa Inggeris, Cik Junaidah menggunakan kamus dan menerangkan cara menggunakan dalam latihan kefahaman dan perbendaharaan kata. Kemahiran pengajaran yang digunakan oleh Cik Junaidah ialah kemahiran menerang dengan

- A. contoh
- B. ilustrasi
- C. sumber pelajaran
- D. ilustrasi tunjuk cara

S27 Sebagai seorang pemudahcara, bilakah harus seorang pensyarah campur tangan semasa sesuatu aktiviti berjalan?

- A. Perbincangan murid terpesong dari objektif aktiviti.
- B. Murid menggunakan bahan yang tidak disenaraikan
- C. Pergerakan dan suasana bising semasa aktiviti berjalan
- D. Murid mencatat sahaja dan tidak menyumbangkan idea

S28 Pada penutup pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kajian Tempatan, Cik Kamariah telah merancang untuk mengadakan satu aktiviti sosial. Aktiviti sosial yang manakah dapat memenuhi kehendak Cik Kamariah?

- A. Menyenaraikan segala isi penting di papan tulis.
- B. Mengadakan satu kuiz dan beri ganjaran serta pujian kepada kumpulan yang menang.
- C. Menyediakan kad soal selidik untuk pelajar-pelajarnya membuat kajian secara kumpulan.
- D. Meminta beberapa pelajar memaparkan kad ayat yang mengandungi isi-isi penting di papan tulis.

S29 Kaedah penerapan nilai-nilai murni di dalam sesuatu Pengajaran dan Pembelajaran dilakukan seperti berikut, kecuali

- A. secara langsung
- B. secara di sedari
- C. di perkatakan nilai tersebut
- D. tersirat

S30 Tujuan utama menjalankan penyelidikan tindakan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah

- A. mencari sesuatu penyelesaian masalah
- B. meningkatkan keberkesan mutu pengajaran
- C. meningkatkan keberkesan sesuatu tindakan
- D. membuat satu kajian sosial untuk memperbaiki mutu tindakan

S31. “ Pada akhir pengajaran ini, pelajar dapat melebalkan bahagian-bahagian pahat kayu dengan betul”.

Apakah yang dimaksudkan situasi di dalam contoh objektif pengajaran dan pembelajaran di atas.

- A. melebalkan alat
- B. dengan betul
- C. pada akhir pengajaran
- D. pahat kayu

S32 Strategi bercerita selalunya berjaya menghidupkan suasana bilik darjah. Antara yang berikut, manakah bukan prinsip bercerita?

- A. Cerita adalah secocok dengan minat pelajar
- B. Suasana hendaklah selaras dengan cerita
- C. Gunakan boneka, kad-kad gambar dan patung untuk menjadikan cerita itu lebih menarik
- D. Tempoh cerita itu tidak melebihi empat jam

S33 Lawatan sambil belajar memperkayakan pengalaman pelajar-pelajar. Tindakan yang penting selepas lawatan ialah

- A. membenarkan pelajar-pelajar berehat
- B. mengadakan perbincangan serta membuat rumusan
- C. menggalakkan pelajar-pelajar mengemukakan soalan
- D. memastikan setiap pelajar memberi perhatian penuh

- S34 Televisyen Pendidikan mendorong pembelajaran yang bermakna serta menyeronokkan. Ini adalah kerana
- A. semua pancaindera pelajar didapat digunakan
 - B. penguasaan bahasa pelajar dapat ditingkatkan
 - C. ia dapat menghiburkan diri pelajar-pelajar
 - D. ia merupakan pengajaran yang kemas, teratur serta berupaya merangsangkan pelajar-pelajar
- S35 Setiap pensyarah hendak berusaha untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam pengajaran. Ini boleh dilakukan secara tidak langsung melalui
- A. pengajaran pendidikan moral
 - B. pengajaran ketika menutup sesuatu pelajaran
 - C. penghayatan dan contoh teladan
 - D. perancangan aktiviti-aktiviti sambilan
- S36 Ketika anda merancang untuk mengadakan kelas bercantum, anda hendaklah mengambil kira kriteria-kriteria berikut kecuali
- A. umur pelajar
 - B. keperluan pelajar
 - C. bilangan pelajar dan bilik kuliah
 - D. kebolehan dan minat pelajar
- S37 Pengajaran mikro dijalankan di universiti dengan tujuan membantu bakal guru memperoleh kemahiran pengajaran. Faedah yang penting yang diperoleh dari pengajaran mikro ialah
- A. membolehkan pelatih menjalani latihan amali dalam keadaan yang relaks
 - B. memerhati prestasi mereka sebagai guru dari rakaman
 - C. memerhati kelemahan-kelemahan diri sendiri
 - D. membolehkan pelatih-pelatih mendapat kritikan-kritikan dari rakan sebaya
- S38 Cik Dayok baru sahaja tamat pengajaran. Seterusnya dia mengatakan kepada pelajar-pelajarnya 'Hari ini kamu telah mempelajari sifat-sifat mamalia. Antara sifat-sifatnya ialah berdarah panas, melahirkan anak, dan menyusu anak.' Apakah jenis penutup yang digunakan oleh Cik Dayok?
- A. Kognitif
 - B. Sosial
 - C. Afektif
 - D. Refleksi

S39 Pilih objektif tingkah laku yang lengkap.

- A. Pada akhir pelajaran, pelajar-pelajar dapat menikmati muzik.
- B. Pada akhir pelajaran, pelajar dapat memahami cara menulis sajak.
- C. Pada akhir pelajaran, pelajar-pelajar boleh menghayati tiga nilai murni.
- D. Pada akhir pelajaran, pelajar-pelajar boleh menyenaraikan sekurang-kurangnya empat kawasan utama penanaman padi di Sabah tanpa merujuk sebarang nota.

S40 Seorang guru yang berkesan akan melakukan perkara-perkara berikut kecuali

- A. menamatkan pengajaran mengikut waktu walaupun adanya aktiviti yang belum selesai
- B. merancang pengajaran dengan teliti agar tidak melebihi waktu yang ditentukan
- C. memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang memindahkan kefahaman pelajar-pelajar
- D. menilai pencapai pelajar serta menganalisis maklum balas yang diperoleh

S41 Objektif utama bercerita ialah _____.

- A. melatih pelajar menguasai kemahiran mendengar
- B. menimbulkan isi kandungan cerita yang menarik
- C. menyampaikan isi kandungan cerita yang menarik
- D. memupuk nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita

S42 Pencapaian objektif lawatan bergantung kepada:

- A. tempat yang dilawat adalah menarik
- B. alat-alatan disediakan dengan lengkap
- C. kumpulan yang dibahagikan adalah sesuai.
- D. aktiviti susulan yang diuruskan dengan sempurna.

S43 Tujuan utama pengajaran melalui radio ialah _____.

- A. melatih pelajar menguasai kemahiran mendengar
- B. melatih pelajar teknik bercerita
- C. memperkayakan pelajar dalam penggunaan bahasa
- D. memenuhi kegemaran pelajar

S44 Tujuan utama pengajaran melalui televisyen ialah _____.

- A. melatih pelajar menggunakan deria pendengaran dan penglibatan
- B. menyampaikan sesuatu pelajaran yang penting dan khusus.
- C. memperkayakan aktiviti pengajaran pembelajaran
- D. membolehkan pelajar menonton situasi yang sebenar.

S45 Manakah antara berikut yang bukan merupakan halangan dalam komunikasi

- A. kebisingan
- B. emosi yang tidak stabil
- C. penumpuan
- D. prasangka

S46. Bagi membina suatu objektif Pengajaran dan Pembelajaran untuk satu-satu sub topik matapelajaran, tiga unsur utama harus diambil perhatian, unsur-unsur tersebut adalah

- A. Situasi, perubahan tingkah laku, tahap pencapaian.
- B. Situasi, peranan guru, kaedah
- C. Keadaan bilik kuliah, tahap pelajar, penutup pengajaran
- D. Emosi guru, tahap tingkah laku dan keadaan pelajar.

S47 Nilai-nilai murni boleh dipupuk secara langsung melalui _____.

- A. penyerapan nilai-nilai pelajar dalam semua mata pelajaran
- B. pengajaran mata pelajaran Pendidikan Moral
- C. aktiviti Kokurikulum
- D. aktiviti budaya sekolah

S48 Kriteria percantuman utama untuk kelas bercantum ialah

- A. jumlah pelajar setiap tahun perekolahan tidak melebihi 14 orang
- B. jumlah bilik kuliah tidak melebihi tiga buah
- C. jumlah guru tidak melebihi lima orang
- D. jumlah bahan pengajaran tidak mencukupi.

S49 Semasa penyusunan jadual waktu kelas bercantum, tumpuan khas hendaklah diberikan kepada pelajaran _____.

- A. Bahasa Melayu
- B. komponen kemahiran asas
- C. komponen kemanusiaan
- D. komponen nilai kerohanian

S50 Kaedah yang seringkali digunakan dalam kelas bercantum ialah

- A. kaedah kumpulan
- B. kaedah mengikut tahun persekolahan
- C. kaedah keseluruhan kelas
- D. kaedah individu

S51 Definisi paling tepat tentang kurikulum ialah

- A. semua pengalaman pembelajaran sama ada akademik atau gerak kerja luar bilik kuliah yang dirancangkan bagi menolong pelajar mencapai tujuan pendidikan
- B. semua pengalaman aktiviti luar bilik kuliah yang dirancang untuk membantu pelajar-pelajar menepati matlamat pendidikan
- C. semua mata pelajaran yang dirancang untuk pelajar-pelajar di sekolah
- D. semua pengalaman yang dicapai melalui penyertaan aktiviti-aktiviti persatuan dan kelab akademik di kolej.

S52 Antara yang berikut, manakah bukan objektif kurikulum

- A. Menghasilkan insan secara menyeluruh dan bersepada
- B. Mewujudkan suasana yang merangsangkan pembelajaran
- C. Menerapkan nilai-nilai murni dan sejagat
- D. Memenuhi keperluan pelajar-pelajar dari keluarga pertengahan

S53 Antara berikut yang manakah bukan tergolong dalam kurikulum formal?

- A. Pelajaran di bilik kuliah
- B. Kursus sehari untuk kaum petani
- C. Kuliah di universiti
- D. Kuliah di maktab

S54 Manakah yang berikut merupakan contoh hasil daripada kurikulum tersembunyi?

- A. Pelajar mengikuti pelajaran di bilik komputer
- B. Pelajar mengikuti tunjuk ajar guru di taman
- C. Pelajar mempelajari satu-satu permainan
- D. Pelajar memakai pakaian kemas kerana mencontohi gurunya

S55 Pilih jenis pembelajaran yang tidak tergolong dalam kurikulum aktiviti.

- A. pelajar membaca
- B. pelajar mengira
- C. pelajar mendengar penjelasan
- D. pelajar berlakon

S56 Perkembangan potensi pelajar dari segi intelek merangkumi aspek-aspek berikut kecuali

- A. menerima pengetahuan yang berguna
- B. memperkembangkan daya pemikiran
- C. memperkembangkan kemahiran mengira
- D. memperkembangkan semangat kewarganegaraan

S57 Perkembangan potensi individu dari segi jasmani merangkumi aspek-aspek berikut kecuali

- A. memperkenalkan kecerdasan fizikal
- B. memperkembangkan bakat yang bersifat teknikal
- C. memperkembangkan kemahiran untuk berdikari
- D. memperkembangkan pemikiran kreatif dan kritis

S58 Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah mengambil kira aspek-aspek berikut kecuali

- A. peningkatan semangat berdikari
- B. peningkatan kecekapan berbahasa
- C. pemupukan budaya ingin meniru
- D. pemupukan budaya cemerlang

- S59 Seseorang guru yang menjalankan hukuman boleh melakukan perkara-perkara berikut kecuali
- A. elakkan daripada menggunakan kerja kelas sebagai denda
 - B. elakkan hukuman yang berbentuk kejam
 - C. mengkaji punca masalah itu
 - D. menghukum pelajar di hadapan pelajar-pelajar lain agar kesilapan itu tidak berulang lagi
- S60 Antara berikut, yang manakah bukan aktiviti di peringkat pelaksanaan pengajaran guru?
- A. Membimbing pelajar-pelajar
 - B. Memotivasi pelajar-pelajar
 - C. Meneguhkan tingkah laku positif
 - D. Menetapkan objektif-objektif pelajaran
- S61 Manakah yang berikut bukan merupakan unsur afektif dalam pembelajaran?
- A. Minat terhadap satu-satu pelajaran
 - B. Perhatian terhadap satu-satu pelajaran
 - C. Perasaan suka terhadap satu-satu unit pelajaran
 - D. Perasaan benci terhadap satu-satu unit pelajaran
- S62 Komunikasi merupakan satu proses
- A. pemindahan maklumat
 - B. hubungan antara individu
 - C. penyampaian suatu maksud kepada orang lain
 - D. pemberian arahan dari seorang ketua kepada orang bawahannya
- S63 Dalam model komunikasi Shannon dan Weaver, destinasi merupakan
- A. tempat yang dituju
 - B. orang yang ditujukan mesej itu
 - C. orang yang menghantar mesej itu
 - D. sumber satu-satu mesej itu

S64 Pelaksanaan KBSR mementingkan pendekatan pengajaran pembelajaran yang berkesan. Pendekatan pengajaran pembelajaran yang sesuai ialah

- I. pemasatan guru
 - II. pemasatan pelajar
 - III. pemasatan bahan
 - IV. pemasatan aktiviti
- A. I dan IV sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

S65 Cik Mastura menggunakan kaedah induktif untuk pengajaran mata pelajaran Sains Tahun 2. Pilih langkah-langkah menurut urutan yang betul yang menggambarkan Cik Mastura telah melakukan pengajaran secara kaedah induktif.

- I. Pelajar diberikan masa untuk mengenal pasti gambar ikan jerung, pari, haruan dan sadin.
 - II. Membuat kesimpulan bahawa semua ikan bernafas melalui insang.
 - III. Membandingkan ciri-ciri ikan dengan ciri-ciri haiwan di darat.
 - IV. Menyenaraikan ciri-ciri ikan.
- A. I, III, IV, II
 - B. III, IV, I, II
 - C. II, IV, III, I
 - D. I, IV, III, II

S66 Ciri-ciri pembelajaran koperatif meliputi.

- I. kepentingan diri.
 - II. kepimpinan berkongsi.
 - III. kemahiran sosial dipupuk.
 - IV. saling pergantungan positif.
 - V. tiada peninjauan perkembangan kumpulan.
- A. I, III dan IV sahaja
 - B. I, III dan V sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. III, IV dan V sahaja

S67 Beberapa orang pelajar Tahun 3 KUiTTHO didapati kurang berminat untuk belajar. Sebagai fasilitator, apakah tindakan anda untuk membantu pelajar tersebut?

- I. Menyediakan aktiviti pemulihan
 - II. Memotivasiikan pelajar-pelajarnya
 - III. Memberi bimbingan jika diperlukan
 - IV. Membantu mereka menyelesaikan setiap masalah
 - V. Menggunakan pelbagai strategi dan teknik pengajaran
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, III dan V sahaja
 - D. III, IV dan V sahaja

S68 Teknik sumbangsaran adalah sejajar dengan pelaksanaan KBSR kerana ia dapat

- I. menyelesaikan keperluan aktiviti pengayaan
 - II. melatih murid menerima pendapat orang lain
 - III. menekankan aspek peneguhan dalam sesi pembelajaran
 - IV. memindahkan fokus dari pengajaran kepada pembelajaran
 - V. membantu pelajar mendekati sesuatu masalah dari beberapa sudut
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, IV dan V sahaja
 - D. III, IV dan V sahaja

S69 Manakah antara berikut merupakan tujuan penilaian kendiri dalam pengajaran mikro?

- I. Mendapatkan pengiktirafan penyelia tentang prestasi pengajaran
 - II. Mengenal pasti cara untuk mengatasi kelemahan sesi pengajaran
 - III. Mendapat pandangan rakan sebaya tentang sesi mikro yang dijalankan
 - IV. Melatih diri supaya membuat refleksi terhadap pengajaran yang dijalankan
 - V. Mendapat maklum balas tenang penguasaan kemahiran tertentu dalam pengajaran
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. II, IV dan V sahaja
 - D. III, IV dan V sahaja

- S70. Strategi main yang digunakan di kelas prasekolah dan KBSR mendatangkan banyak faedah. Antara faedah-faedahnya ialah
- I. membolehkan pelajar mengalami pelbagai pengalaman pembelajaran
 - II. menyeronokkan suasana pengajaran dan pembelajaran
 - III. memperkembangkan kemahiran sosial melalui interaksi dengan pelajar-pelajar lain
 - IV. membolehkan pelajar-pelajar berasa seronok dan juga meringankan beban guru
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
- S71 Sumber pengajaran dan pembelajaran telah mencapai objektif sekiranya ia
- I. menambahkan keberkesanan minat pelajar-pelajar
 - II. menimbulkan minat pelajar-pelajar
 - III. meringankan beban seorang guru
 - IV. mendapatkan penglibatan pelajar-pelajar
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja
- S72 Penggunaan papan kapur dianggap berkesan jika ia
- I. membantu pelajar memahami sesuatu fakta dan konsep
 - II. menumpukan perhatian pelajar terhadap aktiviti pengajaran
 - III. meningkatkan ingatan pelajar terhadap konsep yang disampaikan
 - IV. membolehkan pelajar membantu guru membuat nota penting di atasnya
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

S73 Konsep nilai dalam pendidikan boleh diuraikan sebagai kriteria mengukur _____.

- I. kelakuan pelajar
 - II. moral pelajar
 - III. kepercayaan pelajar
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. I, II dan III sahaja

S74 Tujuan mengadakan aktiviti lawatan ialah:

- I. Menikmati tempat yang permai
 - II. Mendapat pengetahuan secara langsung
 - III. Mempelbagaikan aktiviti pengajaran-pembelajaran
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. I, II dan III

S75 Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan aspek-aspek berikut:

- I. Memperkembangkan potensi individu
 - II. Menggalakkan perkembangan individu secara menyeluruh dan bersepadu
 - III. Mewujudkan insan yang patuh kepada Tuhan
 - IV. Menggalakkan perkembangan pengetahuan sahaja
 - V. Menggalakkan perkembangan EQ dan IQ
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

S76 Dalam mereka bentuk satu-satu kurikulum, prinsip-prinsip berikut diberi tumpuan.

- I. ia hendaklah berpusatkan kanak-kanak
 - II. ia hendaklah bersifat dinamik
 - III. ia hendaklah memupuk sikap individu
 - IV. ia hendaklah mempunyai pertalian rapat dengan kehidupan harian
 - V. ia hendaklah mempunyai unsur-unsur teknologi komunikasi dan informasi
- A. I, II dan V sahaja
 - B. III, IV dan V sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja

S77 Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang diperkenalkan pada tahun 1982 perlu disemak semula kerana

- I. perubahan sosioekonomi yang pesat
 - II. hendak mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara
 - III. hendak melahirkan sebuah negara maju dengan wawasan baru
 - IV. hendak memberi penekanan kepada perkembangan rohani
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja

S78 Dalam budaya sekolah, aspek sosial merangkumi unsur-unsur berikut

- I. keangkuhan
 - II. hormat-menghormati
 - III. tanggungjawab
 - IV. kemesraan
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

S79 Dalam tatacara menyelesaikan masalah disiplin, seseorang guru hendaklah mematuhi langkah-langkah berikut:

- I. Setiap masalah hendaklah dikendalikan secara objektif
 - II. Beri peluang kepada pelajar memberi penjelasan
 - III. Pastikan suasana adalah tenang
 - IV. Menghantar pelajar kepada guru besar terlebih dahulu
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja

S80 Dalam sebuah kelas KBSR, ruang-ruang pembelajaran diwujudkan

- I. sebagai tempat untuk meletak bahan-bahan pengajaran- pembelajaran
 - II. untuk pelajar-pelajar berehat dan mengulang kaji perkara-perkara penting dalam pelajaran
 - III. untuk menggalakkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan bahan-bahan yang dipamerkan
 - IV. untuk menyediakan suasana pembelajaran yang bermakna dan menarik
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, III dan IV sahaja

Bahagian B (20 markah).

Jawab dua daripada tiga soalan berikut.

1.
 - a. Apakah yang dimaksudkan dengan pengajaran? (2 markah)
 - b. Nyatakan tiga perkara utama yang berlaku dalam proses pengajaran. (3 markah)
 - c. Terangkan secara ringkas dua dari tiga proses tersebut. (5 markah)
2.
 - a. Apakah maksud teknologi dalam pengajaran? (2 markah)
 - b. Senaraikan tiga jenis bantu mengajar yang tersenarai dalam kategori bahan bantuan elektronik. (3 markah)
 - c. Terangkan peranan bahan bantu mengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. (5 markah)
3.
 - a. Apakah yang dimaksudkan dengan Pentaksiran dalam pengajaran? (2 markah)
 - b. Senaraikan tiga jenis pentaksiran yang biasa dilaksanakan dalam pengajaran. (3 markah)
 - c. Terangkan maksud ‘Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)’ dan jelaskan prosedur yang dilaksanakan oleh guru secara lengkap dalam mengendalikan PBS bagi satu matapelajaran. (5 markah)

----- SOALAN TAMAT -----